

IKTIKAF PADA 10 MALAM TERAKHIR

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Baqarah ayat 187:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تُبَشِّرُوهُمْ وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسْجِدِ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا

تَقْرَبُوهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿١٨٧﴾

Yang bermaksud: *"Dan janganlah kamu setubuhi isteri-isteri kamu ketika kamu sedang beriktikaf di masjid. Itulah batas-batas larangan Allah, maka janganlah kamu menghampirinya. demikian Allah menerangkan ayat-ayat hukum-Nya kepada sekalian manusia supaya mereka bertaqwa.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Kita bersyukur kepada Allah Subhanahu wa-Taala yang memberikan kepada kita peluang berada dalam bulan Ramadhan yang penuh dengan keberkatan ini. Sudah pasti harapan kita yang paling besar ialah agar ibadat puasa yang kita laksanakan ini diterima oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Antara usaha agar ibadat puasa diterima ialah kita melaksanakan ibadat ini dengan bersungguh-sungguh mengikut sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Antara sunnah yang dilaksanakan oleh Baginda dalam bulan Ramadhan ialah beriktikaf di masjid. Ibnu Umar berkata dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَّلَ مِنْ رَمَضَانَ

Yang bermaksud: *Adalah Rasulullah sallallahu alaihi wasallam beriktikaf pada sepuluh terakhir bulan Ramadan.*

Iktikaf bermaksud duduk dalam masjid oleh seseorang dengan niat beribadat kepada Allah Subhanahu wa-Taala. Iktikaf tidak terikat dengan waktu bahkan sunat beriktikaf pada setiap waktu, sama ada di bulan Ramadan mahupun di bulan-bulan lain. Cuma ia lebih dituntut dan afdhal, jika dilakukan pada 10 malam terakhir bulan Ramadan kerana fadhilat beriktikaf pada bulan tersebut lebih besar ganjaran pahalanya berbandingkan selainnya.

Iktikaf Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang dimaksudkan dalam hadith yang dibacakan tadi sebagaimana dijelaskan oleh Imam As-Syafi', "Bagi orang yang ingin mendapatkan pahala sunnah (mengikut perbuatan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam melakukan iktikaf 10 terakhir bulan Ramadan) hendaklah dia mula masuk masjid dengan beriktikaf pada malam ke 21 Ramadan dan keluar daripada masjid pada malam hari raya. Malahan lebih afdhal lagi jika

dia meneruskan iktikaf dalam masjid pada malam hari raya dan keluar selepas menunaikan solat hari raya. Untuk menghidupkan sunnah ini bolehlah jawatankuasa masjid merancang pengisian program bagi membolehkan ahli jemaah beriktikaf secara berterusan sepanjang 10 malam terakhir Ramadan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Sesungguhnya para Sahabat dan generasi awal yang dididik oleh Rasulullah sallallahu alaihi wasallam amat mengambil berat melaksanakan ibadat iktikaf ini. Mereka amat memahami ibadat puasa tidak akan lengkap tanpa disertai dengan ibadat iktikaf di masjid. Oleh itu mereka bersungguh-sungguh melaksanakan ibadat ini untuk mencontohi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam . Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, Aisyah Radhiallahu anha berkata yang bermaksud :

“Sesungguhnya Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam beriktikaf pada 10 hari terakhir bulan Ramadan. Baginda melakukan amalan iktikaf tersebut sehingga Baginda wafat. Kemudian para isteri Baginda meneruskan amalan iktikaf selepas itu”

Imam al-Zuhri menasihati kita semua agar melaksanakan ibadat iktikaf dengan katanya, *“Alangkah peliknya manusia, kenapa mereka meninggalkan iktikaf? Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam melakukan sesuatu dan meninggalkan sesuatu tetapi Baginda tidak pernah meninggalkan iktikaf pada bulan Ramadan sehingga Baginda wafat”*.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Pada akhir zaman ini kita disibukkan dengan urusan dunia sehingga mengabaikan tanggungjawab beribadat kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Oleh itu, berilah sedikit masa kita untuk melaksanakan ibadat iktikaf pada sepuluh hari terakhir bulan Ramadan. Kita mengakui sebahagian besar dalam kalangan umat Islam tidak mampu mengikut sepenuhnya cara iktikaf Rasulullah sallallahu alaihi wasallam.

Sekalipun kita tidak berupaya untuk mengikut sepenuhnya langkah Rasulullah sallallahu alaihi wasallam iaitu tinggal dan duduk dalam masjid selama sepuluh hari pada akhir bulan Ramadan, namun peruntukkanlah sebahagian besar masa kita untuk berada di masjid pada sepuluh terakhir bulan Ramadan. Janganlah kita mensia-siakan peluang keemasan ini untuk mendekatkan diri kepada Allah melalui ibadah iktikaf. Penuhi pengisian iktikaf dengan pelbagai ibadah seperti membaca al-Quran, berzikir, solat-solat sunat dan selainnya, mudah-mudahan ia akan membersihkan hati dan menjadi orang yang bertaqwa.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

Yang bermaksud : "Orang yang beriman dan mereka akan tenang hati dengan mengingati Allah, ketahuilah dengan mengingati Allah hati akan menjadi tenang.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.